

# MIMBAR DARUL TAFSIR



## PENULIS ARTIKEL

**Ustaz Dr. Muhammad Haniff Hassan**

| Research Fellow | S. Rajaratnam School of International Studies | Nanyang Technological University |



Masjid Al-Khair | 1 Teck Whye Crescent, 688847 | 9466 7185



@alkhairmosque

# EDISI

---

- #1 Halal dan Tayyib (baik) dalam Pemakanan
- #2 Surah Yassin 13 -30
- #3 Berlaku adil kepada semua
- #4 Allah taala penentu siapa yang layak masuk syurga**



# **ALLAH TAALA PENENTU SIAPA YANG LAYAK MASUK SYURGA**

لَيْسَ بِأَمَانَيْكُمْ وَلَا أَمَانَ فِي أَهْلِ الْكِتَابِ  
مَنْ يَعْمَلُ سُوءًا يُحْرَزْ بِهِ وَلَا يَجِدْ لَهُ دُورًا

“(Balasan yang baik yang dijanjikan oleh Allah itu) tidak akan didapat hanya dengan angan-angan kamu semata-mata dan tidak pula dengan angan-angan ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani).

Sesiapa yang melakukan kejahatan, dia akan dibalas dengan kejahatan itu dan dia pula tidak akan mendapat selain dari Allah seorang pun yang akan melindunginya dan tidak ada juga yang dapat menolongnya.”

(Al-Nisa’: 123)

وَمَنْ يَعْمَلُ مِنَ الصَّالِحَاتِ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ  
فَأُولَئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ نَقِيرًا

١٢٤

“Dan sesiapa yang mengerjakan amal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang dia beriman, maka mereka itu akan masuk Syurga dan mereka pula tidak akan dianiaya (atau dikurangkan balasannya) sedikitpu.”

(Al-Nisa’: 124)

وَمَنْ أَحْسَنَ دِينًا مِمَّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ وَاتَّبَعَ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا  
وَأَنْتَخَذَ اللَّهُ إِبْرَاهِيمَ خَلِيلًا

١٢٥

“Dan tidak ada yang lebih baik agamanya daripada orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah (dengan ikhlas), sedang dia berusaha mengerjakan kebaikan dan ia pula mengikut agama Nabi Ibrahim yang lurus (yang tetap di atas dasar tauhid);

dan (kerana itulah) Allah menjadikan Nabi Ibrahim kesayanganNya.”

(Al-Nisa’: 125)



## Pelajaran

Sebab turun ayat Al-Nisa' :123 ialah insiden pertengkaran antara Muslim dan Ahli Kitab.

Masing-masing mendakwa hak eksklusif masuk syurga ialah milik mereka.

Hal ini dapat dilihat dalam perkataan “amaniyikum (angan-angan kamu)” yang merujuk pada Muslim.

Ayat ini dan kisah disebaliknya menyokong pendapat bahawa Allah taala tidak suka sesiapa pun yang mendakwa ada keistimewaan atau hak eksklusif masuk syurga, termasuk Muslim.



Ini juga menjadi dalil bahawa menetapkan soal syurga dan neraka adalah hak mutlak Allah sahaja.

Maksud yang sama juga boleh didapati dalam ayat Al Imran: 128 yang mana Allah taala memberitahu bahawa hanya Dia yang menentukan siapa yang berhak mendapat keampunan atau azab dariNya, apabila Nabi s.a.w terlalu bersungguh mendoakan azab ke atas musuhnya.

*Engkau tidak berhak sedikitpun (wahai Muhammad) dalam urusan (orang-orang yang ingkar) itu, (kerana urusan mereka tertentu bagi Allah), sama ada dia menerima taubat mereka ataupun ia menyeksa mereka; kerana sesungguhnya mereka itu orang-orang yang zalim.*

*Surah Al-Imran : 128*

Syurga bukan diperolehi dengan sangkaan ada hak istimewa, tapi melalui iman dan amal yang betul.



Ayat-ayat ini memberitahu tentang jalan ke syurga sebagai alternatif pada angan-angan dan dakwaan kosong mananya pihak;

- jauhi maksiat (Al-Nisa': 123)
- banyakkan amal soleh (Al-Nisa': 124)
- iman yang benar (Al-Nisa': 124)
- Islam, menyerah diri kepada Allah taala (Al-Nisa': 125)

Dari senarai ini, Muslim yang ingin memasuki syurga seharusnya fokus pada membanyakkan amal soleh, menjauhi maksiat , membangun iman yang benar dan mengukuhkan penyerahan diri kepada Tuhan kerana inilah yang jamin bagi syurga dan pendinding dari siksa neraka, bukan dakwaan hak eksklusif.



Seorang Muslim yang yakin bahawa dia lebih layak masuk syurga dari bukan Muslim belum pasti akan mendapatkannya jika iman dan Islam pada dirinya hanyalah kata-kata kosong, tanpa amal soleh yang banyak berbanding maksiat yang dilakukan.

Lelaki dan perempuan mempunyai hak dan ganjaran yang sama dalam amal soleh dan peluang masuk syurga.

Kesolehan dan ketakwaan dalam Islam tidak berpihak kepada mana-mana jantina.



Iman dan Islam penting bagi jalan memasuki syurga. Namun perlu juga difahami bahawa manusia hanya dituntut untuk beriman dan Islam pada kadar yang dia mampu.

Dalam hal ini, ia tertakluk pada sampainya ilmu/hujah yang betul/jelas kepadanya. Maka seseorang yang tidak pernah sampai kepadaanya kebenaran tentang iman dan Islam tidaklah boleh ditetapkan secara pasti bahawa dia telah menolak kebenaran dari Allah taala (Al-Isra': 15) lalu dihukumkan dengan pasti bahawa dia adalah ahli neraka.

*Sesiapa yang beroleh hidayah petunjuk  
(menurut panduan Al-Quran), maka sesungguhnya faedah  
petunjuk yang didapatinya itu hanya terpulang kepada dirinya  
sendiri, dan sesiapa yang sesat maka sesungguhnya kesan buruk  
kesesatannya hanya ditanggung oleh dirinya juga.  
Dan seseorang yang boleh memikul, tidak akan memikul dosa  
perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja).  
Dan tiadalah Kami mengazabkan sesiapapun sebelum Kami  
mengutuskan seorang Rasul  
(untuk menerangkan yang benar dan yang salah).  
Surah Al-Isra' : 15*



Melalui ayat ini juga dapat difahami bahawa celaan Allah taala terhadap Ahli Kitab bahawa mereka pasti masuk syurga (Al-Baqarah: 80) dan, jika masuk neraka sekalipun, hanyalah sebentar sahaja, adalah pelajaran kepada Muslim agar tidak mempunyai angan-angan yang sama kerana kesemua itu adalah hak eksklusif Allah taala dan hanya Dia yang tahu siapa yang menjadi ahli syurga dan neraka tanpa kira status agamanya di dunia ini.

Oleh itu, serahkan perkara ini kepada Tuhan dan jauhilah kelakuan seperti "Tuhan" (play God).

*Dan mereka berkata: "Kami tidak sekali-kali akan disentuh oleh api neraka kecuali beberapa hari yang tertentu".*

*Katakanlah (wahai Muhammad): "Adakah kamu sudah mendapat janji dari Allah supaya (dengan itu) Allah tidak akan menyalahi janjiNya, atau hanya kamu mengatakan atas nama Allah sesuatu yang tidak kamu mengetahuinya?"*

*Surah Al-Baqarah : 80*

Harap artikel ini bermanfaat bagi anda.  
Sumbangan ikhlas anda amat kami hargai.

1. PayNow UEN S97MQ0018D
2. Pemindahan Wang OCBC Current 581-6766-40001

Kami berterima kasih dan moga Allah SWT merahmati dan membalaq budi anda dengan kebaikan setimpal!

